

walaupun panorama itu telah disiarkan sejak tujuh tahun lalu tetapi sior penyelidik dengan kerjasama dengan JPT pada tahun ini pastinya lebih berkualiti dan akan berjaya menarik penonton untuk menyaksikannya.

Katanya, sesi penggambaran akan dimulakan pada September ini dan akan menyiarkannya untuk tempoh tiga bulan bagi 20 produk yang dipilih ini.

"Kami di RTM mengharapkan kerjasama dari penyelidik dan pihak universiti bagi membantu menjayakan program ini," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Sementara itu penyelidik dari Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia (UUM) Dr Mohamed Najib Salleh yang menghasilkan produk bertajuk '*Customized pressure garment*' ketika ditemui berkata, gembira kerana terpilih daripada 85 produk yang dihantar kepada JPT untuk disiarkan dalam TV1 nanti.

Anak kelahiran Kampung Nongka, Jitra ini telah membuat penyelidikan bagi menghasilkan produk yang dapat membantu untuk menghilangkan atau mengurangkan kesan parut akibat kebakaran.

Proses untuk merekabentuk paten ini diharap dapat membantu mereka yang melecur atau terbakar menjadikan kulit mereka seperti sedia kala.

"Saya harap pemilihan ini juga sebagai hadiah kepada pihak UUM dalam mengenengahkan tenaga akademiknya dalam bidang penyelidikan,"ujarnya lagi.

Habis.

=====

DARIPADA:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078

FAKS: 04-928 3016

E-MAIL: ukkuum@uum.edu.my